

## BAB 7

### KESIMPULAN

Selepas tamatnya Perang Dunia Kedua pada tahun 1945, Asia Tenggara mengalami proses dekolonialisasi. Perang Dingin yang berlaku pada zaman dekolonialisasi ini telah menjadikan Asia Tenggara sebagai medan persaingan antara Blok Komunis yang diketuai oleh Soviet Union dan Blok Bukan Komunis (Kapitalis) yang dipimpin oleh Amerika Syarikat untuk meluaskan pengaruh ideologi mereka. Persaingan ini jelas dilihat dalam Perang Vietnam.

Pemisahan Vietnam kepada Vietnam Utara dan Vietnam Selatan melalui Perjanjian Geneva pada tahun 1954 telah menimbulkan hasrat kerajaan Vietnam Utara untuk menyatukan semula Vietnam. Ini kerana Vietnam merupakan sebuah negara yang bersatu sebelum tahun 1954. Oleh yang demikian, penyatuan semula Vietnam merupakan satu kemestian bagi mereka seterusnya membentuk sebuah negara Vietnam yang bersatu, merdeka dan berideologi komunis.

Kegagalan Vietnam Selatan mengadakan pilihan raya pada tahun 1956 seperti mana yang diperuntukkan dalam Perjanjian Geneva 1954 telah membantutkan hasrat Vietnam Utara untuk menyatukan semula Vietnam secara aman. Tindakan Vietnam Selatan ini telah memaksa kerajaan Hanoi di bawah pimpinan Ho Chi Minh memulakan penyusupan ketenteraan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh sejak Julai 1959 melalui Kumpulan 759 bagi membantu Viet Minh dan kemudiannya Barisan Pembebasan

Kebangsaan untuk menggulingkan kerajaan di Vietnam Selatan dan menyatukan semula Vietnam.

Vietnam Utara telah menggunakan segala kepakaran dan pengalamannya dalam perang-perang sebelum tahun 1954 untuk menyusup bekalan ketenteraan ke Vietnam Selatan. Proses penyusupan ini melibatkan tiga peringkat iaitu peringkat persediaan, penghantaran dan pengagihan. Setiap peringkat penyusupan telah dirancang dengan baik untuk memastikan kelancaran penyusupan ketenteraan melalui laluan maritim.

Penggunaan Laluan Maritim Ho Chi Minh telah menambah keberkesanan penyusupan ketenteraan ke Vietnam Selatan. Ini kerana dalam hal ini, Laluan Maritim Ho Chi Minh berfungsi sebagai laluan alternatif kepada Laluan Ho Chi Minh di darat. Keberkesanan laluan maritim terbukti kerana ia adalah lebih sesuai untuk menghantar peralatan teknikal yang besar dan berat dengan cara yang lebih selamat dan menjimatkan masa.

Kejayaan demi kejayaan yang diperoleh melalui operasi penyusupan ketenteraan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh telah membuktikan kebijaksanaan pemimpin-pemimpin Vietnam Utara dalam merancang dan mengatur strategi penghantaran ketenteraan ke Vietnam Selatan melalui jalan laut. Setiap peringkat proses penyusupan ketenteraan telah dirancang dengan rapi sekali agar tidak mudah dikesan oleh pihak musuh iaitu Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan.

Keberkesanan Laluan Maritim Ho Chi Minh dalam aktiviti penyusupan ketenteraan ke Vietnam Selatan adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Yang pertama, Vietnam Selatan yang mempunyai sungai-sungai dan terusan kecil yang banyak amat sesuai untuk aktiviti penyusupan ketenteraan Vietnam Utara yang menggunakan tongkang-tongkang layar atau bot-bot kecil. Tambahan pula, Vietnam Selatan yang mempunyai pantai yang panjang telah membolehkan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan menyusup masuk ke Vietnam Selatan dengan lebih mudah tanpa dikesani oleh tentera Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan. Malah kebiasaan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan dengan keadaan muka bumi Vietnam Selatan telah banyak membantu mereka mengelakkan diri daripada dikesan atau ditangkap oleh tentera Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan.

Selain itu, kejayaan Vietnam Utara dalam aktiviti penyusupan ketenteraan banyak bergantung kepada keberkesanan penyamaran yang dilakukan oleh Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan dalam proses penyusupan. Kejayaan penyamaran Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan sebagai nelayan serta penyamaran tongkang-tongkang layar sebagai bot nelayan telah mengurangkan kejayaan pengesan oleh tentera Vietnam Selatan. Tindakan ini telah banyak membantu Vietnam Utara dalam penghantaran tentera dan alat senjata ke Vietnam Selatan.

Di samping itu, Vietnam Utara yang mempunyai sejarah penglibatan dalam perperangan yang begitu lama sejak memperoleh kemerdekaan dari China pada tahun 939 T.M. telah menunjukkan kemantapan dalam mengatur strategi penyusupan ketenteraan

melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh untuk menghadapi musuh. Ini kerana mereka mengetahui keadaan muka bumi dan cuaca di Vietnam Selatan. Kebijaksanaan ejen-ejen gerilla menggunakan bot-bot kecil untuk menjalankan aktiviti pengagihan bekalan ketenteraan pada waktu malam melalui sungai-sungai kecil di Vietnam Selatan telah berjaya mengelakkan pengesanan musuh, malah sungai-sungai yang kecil dan cetek ini tidak dapat dimudik oleh kapal-kapal patrol Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan. Faktor ini telah menambah keberkesanan pengagihan bekalan ketenteraan yang merupakan peringkat terakhir dalam proses penyusupan.

Tambahan pula, kejayaan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan dalam mengawal sebahagian besar kawasan pedalaman di Vietnam Selatan telah banyak menyumbang kepada kejayaan penyusupan ketenteraan yang dilakukan oleh Vietnam Utara. Ini disebabkan tempat-tempat yang strategik ini merupakan tempat pendaratan Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan yang selamat dalam proses penyusupan. Faktor ini diperkuuh lagi dengan adanya sokongan daripada bekas rakyat Vietnam Selatan yang disusup masuk ke Vietnam Selatan yang memang mengetahui tempat-tempat yang strategik ini.

Faktor luaran yang turut menjayakan penyusupan ketenteraan ke Vietnam Selatan melalui jalan laut ialah kerajaan Hanoi berjaya mendapat bantuan alat senjata daripada dua buah kuasa besar komunis iaitu Soviet Union dan Republik Rakyat China. Bantuan tersebut adalah amat penting untuk memastikan sokongan Vietnam Utara kepada Barisan Pembebasan Kebangsaan adalah berterusan.

Justeru itu, kebijaksanaan dan keberkesanan kepimpinan kerajaan Hanoi dalam mengendalikan operasi penyusupan ke Vietnam Selatan terbukti apabila sebanyak 152,870 tan alat senjata dan alat kelengkapan tertera yang lain serta 80,000 orang ejen politik dan kader tentera telah berjaya disusup masuk ke Vietnam Selatan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh dari tahun 1961-1975. Data ini membuktikan bahawa Laluan Maritim Ho Chi Minh adalah lebih sesuai digunakan untuk menghantar alat senjata yang besar dan berat.

Kejayaan penyusupan ketenteraan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh ke Vietnam Selatan telah menyebabkan Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan mengambil beberapa langkah sejak tahun 1961 untuk menyekat aktiviti tersebut agar keselamatan Vietnam Selatan terjamin. Namun demikian, tindakan mereka terbukti gagal kerana aktiviti penyusupan ketenteraan ke Vietnam Selatan berterusan.

Berdasarkan jumlah alat senjata yang dirampas oleh tentera Amerika Syarikat dan Vietnam Selatan yang semakin meningkat, ini telah memberi gambaran bahawa penggunaan Laluan Maritim Ho Chi Minh semakin pesat pada tempoh 1961-1966. Kadar penyusupan ketenteraan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh yang meningkat sejak tahun 1967 harus dilihat dari segi penggantian Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan yang terkorban dalam medan perperangan dan sebagai persediaan untuk melancarkan Penyerangan Musim Perayaan Tahun Baru (Tet) 1968. Pada tahun 1968, kadar penyusupan ketenteraan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh telah mencapai tahap kemuncak dalam Perang Vietnam.

Walaupun peranan Laluan Maritim Ho Chi Minh mula merosot selepas Dasar Vietnamisasi diperkenalkan oleh Amerika Syarikat di Vietnam Selatan pada tahun 1969, namun ia masih memainkan peranan yang penting dalam strategi perang Vietnam Utara untuk menyatukan semula Vietnam. It terbukti melalui peranan yang dimainkannya dalam Penyerangan Easter 1972 dan Kempen Ho Chi Minh pada tahun 1974-1975. Alat kelengkapan tentera, makanan dan kader masih dihantar melalui kapal-kapal dan bot-bot ke Vietnam Selatan.

Laluan Maritim Ho Chi Minh dan Laluan Ho Chi Minh di darat merupakan dua laluan utama yang saling bertindak sepanjang penyusupan ketenteraan ke Vietnam Selatan. Jika Laluan Ho Chi Minh di darat lebih sesuai untuk menghantar Tentera Barisan Pembebasan Kebangsaan dalam jumlah yang banyak, maka Laluan Maritim Ho Chi Minh adalah lebih sesuai untuk menghantar peralatan teknikal yang besar dan berat.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa Laluan Maritim Ho Chi Minh merupakan satu laluan alternatif kepada Vietnam Utara dalam usahanya menghantar bekalan ketenteraan ke Vietnam Selatan untuk memerangi Vietnam Selatan. Laluan maritim ini menampakkan kepentingannya dalam aktiviti penyusupan ketenteraan terutamanya apabila Amerika Syarikat menggunakan strategi mengebom Vietnam Utara dari tahun 1965 hingga tahun 1972 untuk memaksa Hanoi menghentikan penyusupan ketenteraan. Kegiatan penyusupan ketenteraan melalui laluan maritim ini merupakan satu kegiatan yang telah merancakkan lagi Perang Vietnam.

Kemenangan Vietnam Utara dalam Perang Vietnam banyak bergantung kepada kejayaan dan kebijaksaan pemimpinnya dalam perancangan strategi penyusupan melalui Laluan Maritim Ho Chi Minh yang berfungsi sebagai laluan penyokong kepada Laluan Ho Chi Minh di darat. Tanpa keberkesanan Laluan Maritim Ho Chi Minh, Vietnam Utara mungkin memerlukan masa yang lebih lama untuk mencapai hasratnya. Ini kerana Vietnam Utara menghadapi kesukaran untuk menghantar peralatan teknikal yang berat dan besar ke Vietnam Selatan dalam masa yang lebih singkat dan lebih selamat berbanding dengan Laluan Ho Chi Minh yang bergunung-ganang dan memakan masa dalam penyusupan ketenteraan.

Walaupun Laluan Maritim Ho Chi Minh memainkan peranan yang penting dalam aktiviti penyusupan ketenteraan ke Vietnam Selatan sepanjang Perang Vietnam dari tahun 1959-1975, namun laluan ini tetap dianggap sebagai laluan sekunder. Ini kerana Laluan Ho Chi Minh di darat yang diwujudkan lebih awal merupakan laluan utama dalam aktiviti penyusupan ketenteraan ke Vietnam Selatan. Sementara Laluan Maritim Ho Chi Minh berfungsi sebagai laluan penyokong kepada laluan darat ini.